

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(V)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB. GOOI ZI SEN**

4. Sila nyatakan dan senaraikan mengikut jenis dan nilai projek Kerajaan Persekutuan yang telah diumumkan ataupun diluluskan di Pulau Pinang selepas Mei 2018.
- (a) Sejauh manakah pelaksanaan projek Kerajaan Persekutuan tersebut?
- (b) Apakah impak terhadap pembangunan Negeri Pulau Pinang khususnya dengan perubahan pentadbiran Kerajaan Persekutuan?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

4. Berdasarkan kepada laporan prestasi dan pelaksanaan projek RMK-11 yang telah dijana daripada Sistem Pemantauan Projek 2 (SPP 2) mendapati bahawa jumlah projek baharu yang diluluskan bagi tahun 2018, 2019 dan 2020 di Negeri Pulau Pinang ialah sebanyak 152 projek dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM11.751 bilion. Projek-projek ini terdiri daripada 133 projek fizikal dan 19 projek bukan fizikal seperti pecahan berikut:

BIL.	TAHUN	BIL. PROJEK BAHARU		PERUNTUKAN (RM) bilion
1	2018	Fizikal	20	0.5908
		Bukan Fizikal	0	
2	2019	Fizikal	10	0.6459
		Bukan Fizikal	3	

3	2020	Fizikal	103	
		Bukan Fizikal	16	10.515
JUMLAH			152	11.751

- (a) Status pelaksanaan projek-projek tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Peringkat perancangan : 25 projek;
 - (ii) Ikut jadual : 120 projek;
 - (iii) Sudah Siap : 2 projek ;
 - (iv) Lewat jadual : 5 projek; dan
 - (v) Sakit : Tiada
- (b) Senarai peruntukan dan projek-projek pembangunan yang telah dirancang di Negeri Pulau Pinang tidak berubah dan tidak memberi impak walaupun pentadbiran Kerajaan Persekutuan telah berubah.